

## **BAB LIMA**

### **PENUTUP**

#### **5.0 PENDAHULUAN**

Bab yang terakhir ini merupakan bab penutup yang merangkumi kesimpulan bagi keseluruhan perbincangan berkaitan *Adab al-Riyādah wa al-Istiṣlāh* dalam Pembangunan Modal Insan menurut al-Māwardī dalam karya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* dan juga saranan.

#### **5.1 KESIMPULAN**

Secara umumnya, perbincangan berkenaan kajian ini adalah berkaitan dengan tema pembangunan modal insan yang ditinjau dari perspektif al-Māwardī melalui aspek pembangunan kerohanian. Pembangunan kerohanian ini adalah merujuk kepada proses pembentukan akhlak sebagaimana yang telah diketengahkan oleh al-Māwardī khususnya melalui pendekatan *adab al-riyādah wa al-istiṣlāh* yang dituangkan di dalam karyanya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Perkara ini dipilih sebagai tumpuan kajian kerana proses pembangunan kerohanian dilihat sebagai suatu cabang terpenting yang mempunyai hubungan erat dalam pembangunan modal insan. Aspek pembangunan modal insan melalui perspektif akhlak Islam ini memberi penekanan terhadap pembentukan insan cemerlang dari sudut peribadi dan sahsiah diri. Oleh kerana itu, perbahasan berkenaan akhlak Islam dan perkaitannya dengan pembangunan kerohanian merupakan antara fokus di dalam usaha pembangunan modal insan.

Kajian ini mempunyai tiga persoalan kajian selaras dengan tiga objektif kajian. Fokus pertama menumpukan kepada mengetengahkan biodata al-Māwardī dan

sumbangannya di dalam bidang akhlak Islam. Ini adalah penting kerana sebelum ini beliau lebih dikenali dalam bidang-bidang lain seperti politik Islam sahaja. Sumbangan pemikiran beliau ini digarap melalui salah satu teori pembentukan akhlak yang telah diketengahkannya dalam karyanya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Justeru fokus kedua perbincangan kajian ini ialah pendekatan teori *adab al-riyādah wa al-istiṣlah* yang merupakan salah satu daripada adab yang dilazimi ketika seseorang insan meningkat dewasa yang dibincangkan oleh al-Māwardī di dalam *adab al-nafs* yang merupakan bab terakhir di dalam karya tersebut iaitu *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Oleh kerana teori ini berkaitan dengan pembentukan akhlak individu, maka fokus kajian ini selanjutnya ialah membincangkan perkaitan teori akhlak berteraskan *adab al-riyādah wa al-istiṣlah* ini dengan pembangunan kerohanian modal insan.

Hasil kajian menyimpulkan bahawa al-Māwardī yang terkenal dengan teori politik Islamnya juga telah memberi sumbangan pemikiran yang tidak kurang pentingnya dalam bidang akhlak. Ia dapat dibuktikan dengan kerencaman pemikirannya dalam mengemukakan idea mengenai pembangunan insan yang ditunjangi oleh pembentukan akhlak *mahmūdah* yang diperincikan dalam kitab *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* dan juga *Tashīl al-Naẓar wa Ta’jīl al-Zufr*. Sebagaimana tokoh akhlak Islam yang lain, beliau telah pun menerangkan teori akhlak yang menyentuh perbincangan berkenaan definisi akhlak, *akhlāq al-dhāt*, *af’āl al-irādah* dan pembahagian akhlak kepada *gharīzah* dan *muktasabah*. Selain itu, al-Māwardī turut menyentuh pembahagian akhlak *fāḍil* dan *radhāil* yang menghuraikan permulaan dan pengakhiran bagi kedua-dua kategori akhlak serta perkaitannya dengan *al-hawā*. Di samping itu, beliau turut menjelaskan tahap keadaan

insan berlandaskan akhlak yang dimilikinya bagi menunjukkan kedudukan mereka dalam isu penyucian jiwa.

Seterusnya, perbahasan kajian ini menjurus kepada perbincangan berkenaan *adab al-riyādah wa al-istiṣlah* yang terdiri daripada enam fasal iaitu *al-kibr wa al-i’jāb*, *husn al-khuluq*, *al-ḥayā’*, *al-hilm wa al-ghaḍab*, *al-ṣidq wa al-kadhb* dan *al-hasad wa al-munāfaṣah*. Kesemua perbahasan ini diterangkan oleh al-Māwardī dengan menggunakan dalil-dalil dari al-Qur'an, al-Hadith, kata-kata para ulama', para hukama' ahli balaghah dan juga syair-syair yang setiap satunya adalah bertujuan untuk memberi pemahaman berkaitan adab yang dibincangkan.

Keenam-enam fasal di dalam *adab al-riyādah wa al-istiṣlah* ini merujuk kepada apa yang telah disebut oleh al-Māwardī bahawa ia suatu keadaan yang seiring dengan akal dan orang yang berakal tidak akan berselisih pendapat mengenai kebaikan dan keburukannya malah ia turut mempunyai dalil dan alasan yang kuat kerana jiwa manusia juga secara fitrahnya dapat menerima kerana Allah telah mengilhamkan petunjuk dan kebenarannya. Oleh kerana itu, secara umumnya enam fasal pembahagian ini boleh dikategorikan sebagai sebahagiannya merupakan akhlak yang baik dan sebahagiannya lagi akhlak yang buruk.

Secara khususnya, sifat-sifat yang dikategorikan di dalam teori *adab al-riyādah wa al-istiṣlah* atau adab yang memerlukan latihan dan pembaikan ini dapat dikategorikan kepada akhlak yang baik dan juga akhlak yang buruk. Menurut al-Māwardī sifat sompong dan bangga diri kedua-duanya adalah permulaan bagi akhlak yang buruk kerana ianya menghilangkan pelbagai kemuliaan dan mendatangkan kehinaan.

Akhhlak yang mulia perlu diwujudkan dalam diri individu dengan sebenar-benar penghayatan kerana ianya boleh berubah dengan beberapa sebab khusus yang mendatang. Perubahan ini adalah disebabkan oleh rasa benci yang wujud di dalam diri individu itu sendiri terhadap sebab-sebab kekurangan yang timbul. Akhlak mulia dan juga sifat malu kedua-duanya merupakan akhlak yang baik.

Seseorang itu sempurna sifat malu apabila ketiga-tiga rasa malu telah wujud di dalam diri iaitu malu kepada Allah, malu kepada sesama manusia dan juga malu kepada diri sendiri. Ianya dapat menimbulkan kemuliaan diri individu tersebut kerana sifat malu yang wujud di dalam dirinya merupakan benteng yang dapat mencegahnya daripada melakukan sesuatu perkara yang dilarang oleh agama. Dalam erti kata lain, sifat malu dapat menjaga dirinya dari melanggar perintah Allah serta mendorong untuk melaksanakan perintah Allah.

Seterusnya, sifat marah dalam diri individu boleh dikawal dan diatasi dengan beberapa cara menurut al-Māwardī. Sifat marah dapat dikawal dengan mewujudkan sifat *al-hilm* dalam diri yang mana sifat ini boleh didorong oleh beberapa sebab untuk menimbulkannya. Kemarahan yang dapat diatasi menurut al-Māwardī akan menghasilkan kebaikan dan mewujudkan sifat menahan marah adalah lebih baik.

Bercakap benar juga merupakan salah satu daripada akhlak yang baik kerana menimbulkan natijah yang baik dan lawan kepadanya adalah berdusta yang wujud akibat daripada beberapa kepentingan yang wujud dalam diri individu. Keburukan yang dibawa oleh pendustaan yang telah didorong oleh beberapa faktor penyebab menghasilkan individu yang sukar untuk dipercayai pada akhirnya.

Jika dibandingkan faktor penyebab pendustaan, sifat dengki yang terhasil akibat daripada beberapa sebab adalah lebih buruk. Ini kerana dorongan kebencian dan kemarahan yang wujud dalam diri orang yang dengki menghasilkan penyesalan dan

kesedihan yang akan membawa keburukan kepada orang yang dengki. Persaingan adalah lebih digalakkan dalam usaha untuk mencapai sesuatu kerana ianya menatijahkan kebaikan.

Secara keseluruhannya, latihan jiwa atau *al-riyādah* dan pemberian atau *al-istiṣlāh* dalam perbincangan bab ini menunjukkan bahawa sifat-sifat yang telah dibincangkan oleh al-Māwardī tersebut memerlukan latihan dan pemberian sama ada untuk mewujudkannya atau menghilangkannya dari dalam diri setiap individu. Al-Māwardī telah menyarankan beberapa cara dalam usaha untuk mengikis akhlak yang buruk seperti sompong, bangga diri, marah, dusta dan juga dengki. Sifat yang berlawanan di antara satu dengan yang lain menunjukkan bahawa latihan dan pemberian akhlak dalam diri individu perlu menjalani proses pembersihan dan pengisian. Proses pembersihan diri dari akhlak yang buruk kepada pengisian akhlak yang baik merupakan suatu proses yang perlu dilaksanakan. Ini dapat dilihat pada sifat marah yang harus dijauhi dan dihindari dengan mewujudkan sifat *al-ḥilm* atau menahan marah, pendustaan perlu ditinggalkan dengan bercakap benar dan menghilangkan dengki dengan persaingan. Selain itu, proses latihan dan pemberian ini memerlukan keazaman dan kesedaran untuk mengubah akhlak yang buruk kepada akhlak yang baik.

Bagi menjawab persoalan ketiga tumpuan kajian, maka dapat disimpulkan berdasarkan perbincangan berkenaan pembangunan modal insan dan hubungannya dengan pembangunan kerohanian melalui pembentukan akhlak Islam. Dalam hal ini, aspek pembangunan rohani melalui perspektif akhlak yang telah diketengahkan oleh al-Māwardī melalui teori *adab al-riyādah wa al-istiṣlāh* dapat memperlihatkan keterkaitan khususnya melalui pendekatan *tazkiyah al-nafs*.

Aspek *tazkiyah al-nafs* atau penyucian jiwa ini dilihat daripada kepentingan menyingkirkan akhlak *madhmūmah* dan juga pengisian akhlak *māhmūdah*. Kepentingan pembangunan rohani dari perspektif penyucian jiwa ini ialah ia akan melahirkan insan yang berakh�ak dengan akhlak yang mulia dan terhindar dari akhlak yang tercela. Ia adalah merupakan suatu kaedah di dalam usaha membentuk akhlak yang mulia yang bertujuan membentuk modal insan yang benar-benar terhindar dari kecacatan akhlak dan sahsiah. Ia juga dilihat sebagai suatu usaha dalam pembentukan akhlak melalui jalan latihan dan kebiasaan sekaligus membawa erti bahawa akhlak juga mempunyai tempat dan kedudukan yang penting di dalam usaha pembangunan modal insan.

Secara khususnya, di dalam teori *adab al-riyādah wa al-istiṣlāh* terdapat sebahagian akhlak *madhmūmah* yang perlu disingkirkan lalu digantikan dengan akhlak *māhmūdah*. Akhlak *madhmūmah* yang perlu disingkirkan sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Māwardī ialah *al-kibr wa al-i'jāb* (sombong dan bangga diri) *al-ghadab* (marah), *al-kadhb* (dusta) dan *al-hasad* (dengki).

Penyingkiran kelima-lima akhlak ini kerana keburukan sifatnya dan kesan mudharat yang ditimbulkan oleh kelima-lima akhlak tersebut terhadap diri dan masyarakat amatlah dituntut. Malah al-Māwardī telah menjelaskan saranan dan panduannya bagi setiap individu menyingkirkan kelima-lima akhlak buruk tersebut dan mengisikannya dengan akhlak *māhmūdah*. Bermula dengan sifat sompong dan bangga diri supaya digantikannya dengan sifat kasih sayang serta tawaduk terhadap orang sekeliling. Begitu juga sifat marah yang perlu dikawal dan digantikan dengan sifat menahan marah dan mendidik serta menanam sifat benar dalam berkata-kata untuk menggantikan perkataan dusta. Manakala sifat dengki

pula dilenyapkan dari diri dan digantikan dengan sifat persaingan yang sihat dalam usaha memperoleh sesuatu kelebihan.

Maka berdasarkan kesemua akhlak yang disebut oleh al-Māwardī yang termasuk di dalam kedua-dua kategori ini, ia menonjolkan proses pembentukan akhlak mulia melalui pendidikan kerohanian yang kemudiannya membentuk dan melahirkan individu sebagai modal insan yang terpuji sahsiah dan keperibadiannya. Ini adalah kerana, unsur di dalam pembangunan modal insan adalah melibatkan pembentukan hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia dengan sesama manusia dan hubungan manusia dengan persekitaran. Selain daripada itu, manusia juga pada hakikatnya mempunyai tanggungjawab untuk memelihara dirinya dan membangunkan dirinya dengan pelbagai aspek yang dapat menjamin dirinya menjadi manusia atau insan yang memberi faedah kepada orang lain dan juga persekitarannya. Di samping itu juga, pada masa yang sama apa yang lebih penting ialah menjaga hubungan dengan Allah S.W.T.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa pembinaan akhlak mulia melalui pembangunan kerohanian amatlah penting dalam menjana modal insan cemerlang yang tepuji sahsiah dan keperibadian.

## 5.2 SARANAN

Kajian ini telah memberi tumpuan kepada *adab al-riyādah wa al-istiṣlāh* dalam pembangunan modal insan menurut al-Māwardī di dalam karyanya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Walau bagaimanapun kajian ini hanya menumpukan kepada satu bahagian daripada

*adab al-nafs* dan juga hanya bahagian kecil di dalam keseluruhan perbincangan al-Māwardī berkenaan *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* yang dibincangkan keseluruhannya lima bab.

Justeru, penulis mencadangkan agar kajian berkaitan kitab *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* ini diteruskan. Antara cadangan yang boleh diketengahkan oleh penulis ialah kajian berkenaan *adab al-muwādaah wa al-iṣṭilāh* yang merupakan sebahagian lagi daripada adab yang dilazimi ketika dewasa yang dianjurkan oleh tokoh ini. Selain itu, penulis juga mencadangkan supaya bab-bab yang terdapat di dalam karya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn* ini turut dikaji dari sudut perbandingan pemikiran al-Māwardī dengan tokoh-tokoh akhlak Islam yang lain berdasarkan karya-karya akhlak mereka. Kajian juga boleh dilakukan terhadap teori akhlak yang telah diketengahkan oleh al-Māwardī di dalam karyanya *Tashīl al-Nażar wa Ta’jīl al-Zufr* yang memberi fokus kepada akhlak yang perlu ada pada pemerintah dan kaitan serta kepentingannya dalam pentadbiran sesebuah institusi atau negara.

Berdasarkan kepentingan kajian ini, maka penulis turut mencadangkan supaya pihak-pihak tertentu seperti JAKIM dan pusat-pusat pemulihan akhlak di seluruh negara meneliti hasil kajian ini untuk menambah baik modul pemulihan dan pengajian yang diterapkan kepada mereka yang menghadapi masalah sosial dan krisis akhlak. Adalah diharapkan sumbangan kecil ini akan dapat menjadi alternatif kepada modul-modul tersebut kerana ia merupakan teori *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlah* adalah berasal dari seorang tokoh sarjana Islam yang terkenal dengan keilmuannya.

Akhirnya, penulis berharap agar kajian ini dapat memberi manfaat dan sumbangan di dalam bidang ilmu akhlak Islam serta kajian berkenaan al-Māwardī dapat diteruskan melalui pelbagai karya yang telah diwarisi olehnya dalam pelbagai cabang ilmu.